


**RUMUSAN LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN
MENGENAI PERKHIDMATAN/PROGRAM/ PRODUK
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2018**

- Tujuan kajian dilaksanakan adalah bagi mendapatkan maklum balas daripada kumpulan sasar Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) berhubung produk / program / perkhidmatan yang ditawarkan.
- Kajian ini dibuat di 13 lokasi program melibatkan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dan juga melalui laman web KWP. Seramai 2,678 responden telah menyertai kajian ini dengan menjawab keseluruhan soalan yang ditanya.
- Soalan yang dikemukakan melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu Bahagian A – Profil Pelanggan, Bahagian B - Sektor Pengurusan dan Sosio Ekonomi dan Bahagian C - Sektor Perancangan dan Pembangunan.

Rumusan Bahagian A seperti infografik di bawah :



Rumusan Bahagian B seperti infografik di bawah :

B Sektor Pengurusan & Sosio Ekonomi



Inisiatif mengecat PPR MTEN/PA DBKL/Flat kos rendah & sederhana swasta menceriakan persekitaran KL



2,591
(96.75%)



87
(3.25%)



Food Truck menarik, kemas dan bersih berbanding peniaga tepi jalan



2,536
(94.70%)



142
(5.30%)



MPPWP laksana program komuniti



2,513
(93.84%)



165
(6.16%)



Kurangkan kos sara hidup komuniti WP



2,496
(93.20%)



182
(6.79%)



M40 / B40 mampu beli RUMAWIP di bawah RM300,000.00



2,367
(88.39%)



311
(11.61%)

Rumusan Bahagian C seperti infografik di bawah :

C Sektor Perancangan & Pembangunan



Produk biodegradasi tingkatkan kesedaran pemuliharaan alam sekitar dan kesihatan.



OPS BAH memberantas aktiviti tidak bermoral di WP



Pusat Transit dan Pusat Khidmat Gelandangan KL bantu tingkatkan taraf hidup gelandangan



Kolam Biru River Of Life ikon pelancongan baharu negara



ANALISIS BAHAGIAN A : PROFIL PELANGGAN

- Daripada 13 lokasi program yang disertai untuk mendapatkan maklum balas kumpulan sasar, 1,673 responden adalah daripada warga WP Kuala Lumpur, 642 responden dari WP Putrajaya dan 363 responden adalah warga WP Labuan.
- Pecahan responden lelaki adalah seramai 1,363 (50.89%) manakala 1,315 (49.10%) responden adalah perempuan. Ini menunjukkan responden kajian ini adalah sama rata dari aspek gender.
- Responden dari kelompok usia 31 - 40 tahun merupakan responden tertinggi iaitu 849 orang (31.70%). Diikuti dengan kelompok usia di antara 20-30 tahun dan di bawah 20 masing-masing mewakili 673 (25.13%) dan 466 (17.40%). Dapatan ini jelas menunjukkan responden tertinggi bagi kajian ini disertai oleh golongan belia. Dianggarkan 42.53% responden kajian adalah dari pelajar sekolah dan pelajar pengajian tinggi. Manakala 31.70% pula adalah golongan keluarga muda yang sedang membina keluarga.
- Dari aspek pekerjaan pula, responden paling tinggi adalah bekerja di sektor awam iaitu 791 (29.53%) diikuti dari sektor swasta seramai 664 responden (24.79%). Kategori bekerja sendiri pula adalah 485 responden (18.11%), 533 responden (19.90%) dalam kalangan pelajar manakala 205 responden (7.65%) adalah terdiri daripada pesara, suri rumah dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
- Merujuk kepada Laporan Digital 2018 yang dikeluarkan oleh Hootsuit dan *We Are Social* menyatakan Malaysia merupakan negara ke-9 paling aktif media sosial. Oleh itu, KWP juga tidak ketinggalan menggunakan platform ini dalam menyebarkan maklumat. Kenyataan tersebut disokong dengan dapatan kajian yang menunjukkan seramai 2,453 responden (91.60%) bersetuju perkongsian maklumat program dan info diperoleh dengan cepat dan mudah melalui media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, *instagram* dan laman web KWP.
- Hal ini jelas membuktikan bahawa **media sosial adalah media yang paling berpengaruh dalam penyampaian dan perkongsian maklumat** terutamanya di kalangan generasi Y dan Z. Namun generasi X juga tidak lagi ketinggalan pada masa ini dalam usaha mengejar teknologi semasa. Pelbagai dimensi informasi sama ada dalam bentuk suara, mesej secara emel, mesej bergambar, mahupun berkongsi pautan menarik minat generasi X untuk turut meneroka maklumat melalui media sosial.

ANALISIS BAHAGIAN B : SEKTOR PENGURUSAN & SOSIO EKONOMI KWP

- Sektor sosio ekonomi merupakan nadi utama produk/perkhidmatan KWP dalam menyediakan pelbagai program yang berimpak tinggi kepada warga Wilayah Persekutuan. Antaranya seperti program RUMAWIP, transformasi *food truck*, Kad Ceria, Inisiatif mengecat bangunan PPR dan juga Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). Kelima-lima produk ini merupakan program yang berjaya menyentuh hati rakyat secara terus dan memberi imej yang positif kepada Kementerian dalam menyantuni kumpulan sasar di Wilayah Persekutuan.
- Oleh itu, soalan-soalan berkaitan produk tersebut diajukan di dalam soalan kajian kepuasan pelanggan bagi mendapatkan maklum balas yang lebih terperinci daripada kumpulan sasar.
- Inisiatif mensejahterakan rakyat dalam meningkatkan ekonomi dan mengurangkan kos sara hidup rakyat Wilayah Persekutuan adalah jelas memberikan impak kepada rakyat. **Program-program yang dilaksanakan ini membantu komuniti khususnya golongan muda untuk membina kehidupan yang lebih berkualiti.**

PROGRAM MENGECAT BANGUNAN PPR METEN / PA DBKL

- Inisiatif mengecat bangunan PPR MTEN / PA DBKL / Flat kos rendah & sederhana swasta mendapat sokongan yang paling tinggi iaitu 96.75% (2,591 responden). Warga Kuala Lumpur bersetuju program tersebut membantu menceriakan pemandangan ibu kota.
- Bersesuaian dengan usaha yang dibuat oleh DBKL iaitu 94 kawasan bangunan perumahan yang dikenalpasti di bawah program mengecat semula ini. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 403 blok telah siap dicat semula oleh DBKL.

PROGRAM FOOD TRUCK

- Program *food truck* mula diperkenalkan oleh KWP pada tahun 2014. Sejak diperkenalkan, pelbagai reaksi diterima daripada warga Wilayah Persekutuan. Program ini diperkenalkan bertujuan untuk mentransformasikan penjaja tepi jalan kepada pengusaha *food truck*. Objektif yang ingin dicapai adalah supaya tahap kebersihan di WP khususnya Kuala Lumpur yang menjadi lokasi tumpuan para pelancong baik dari dalam mahupun luar negara.

- Selain itu, KWP berhasrat untuk menstrukturkan semula gerai-gerai tepi jalan yang daif serta menyakitkan mata yang memandang. Usaha ini juga dapat mengekang pendatang asing untuk turut berniaga secara haram sekaligus memudahkan urusan penguatkuasaan dijalankan serta pemantauan dibuat.
- Perniagaan *food truck* kini didominasi oleh golongan belia serta chef-chef yang berpengalaman luas dalam industri perhotelan. Banyak idea-idea yang amat kreatif dalam sektor kulinari diaplikasikan oleh golongan ini dan berjaya menarik minat rakyat untuk mencuba pelbagai jenis makanan yang diberi sentuhan inovasi dan kreatif. Perusahaan *food truck* adalah platform terbaik bagi golongan belia untuk menjana pendapatan.
- Sokongan ini jelas diterjemahkan apabila 94.7% responden (2,536 orang) bersetuju makanan dan minuman yang dijual di *food truck* adalah menarik, kemas dan bersih berbanding peniaga tepi jalan di Wilayah Persekutuan.
- Namun begitu, isu harga makanan mahal yang dijual di *food truck* masih dibangkitkan oleh komuniti. Namun isu tersebut telah dijelaskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan melalui media massa bahawa harga makanan yang dijual oleh pengusaha *food truck* mahal tidak boleh dielakkan kerana pengusaha terpaksa menaikkan kos demi menjaga kualiti makanan. Walau bagaimanapun, KWP akan menjalankan pemantauan harga supaya makanan yang dijual tidak membebankan pembeli atau tidak munasabah. Oleh itu, imej *food truck* menyajikan kualiti makanan terbaik, bersih dan kemas perlu sentiasa dipotray supaya isu harga makanan yang mahal diseimbangkan.

MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP)

- KWP memperkenalkan program MPPWP di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan bagi mendekatkan hubungan antara Kerajaan dan rakyat. MPPWP dilihat boleh menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan dalam mendapatkan respon rakyat. MPPWP juga menjadi platform kepada Kerajaan dalam menjayakan sesuatu program memandangkan Jawatankuasa MPPWP ini terdiri daripada penduduk di setiap parlimen.
- Tugas dan fungsi MPPWP perlu diketahui oleh komuniti di setiap parlimen agar kebajikan rakyat akan mendapat pembelaan sewajarnya. Kekangan tenaga kerja untuk sentiasa turut padang dari pihak Kerajaan adalah terhad, maka saluran MPPWP boleh digunakan untuk mengetengahkan apa-apa isu yang berbangkit.

- Pelbagai aktiviti kemasyarakatan dianjurkan oleh MPPWP seperti program gotong royong, program derma darah, kem-kem motivasi kepada anak-anak komuniti, menganjurkan lawatan ilmiah dan juga penganjuran kursus-kursus kemahiran kepada penduduk setempat.
- Memandangkan 93.84% responden (2,513 orang) memberikan respon yang positif bahawa program-program yang dilaksanakan oleh MPP memberi manfaat kepada mereka, KWP boleh melebarkan lagi penggunaan platform MPPWP ini dalam memberi pendidikan/penjelasan kepada komuniti Wilayah Persekutuan mengenai produk/program/perkhidmatan yang dibuat. Hanya 6.16% responden (165 orang) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini berkemungkinan kelompok tersebut kurang menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan di parlimen masing-masing.
- Oleh itu, Kementerian mencadangkan supaya maklumat perlantikan MPPWP di kawasan kediaman mereka dibuat hebahan oleh JMB/MC supaya mengetahui pelaksanaan program yang dijalankan. Oleh itu, MPP sebagai kaedah menyebarkan maklumat mengenai MPPWP, jawatankuasa yang dilantik perlu lebih turun padang untuk mendekati dan menyantuni para penduduk di kawasan tersebut. Malah program-program yang hendak dilaksanakan oleh MPPWP juga perlu disusun lebih awal bagi memudahkan menyusun strategi komunikasi bagi hebahan kepada penduduk/masyarakat.

PROGRAM KAD CERIA

- Program Kad Ceria juga mencatat skor yang agak tinggi di mana 93.20% (2,496 responden) menganggap bahawa program ini adalah satu program yang dapat membantu dalam meringankan beban kos sara hidup mereka dan hanya 182 responden sahaja (6.80%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini berkemungkinan mereka adalah golongan yang tidak menggunakan kad tersebut semasa membeli belah
- Kad Ceria yang merupakan kad diskaun ini membantu warga Wilayah Persekutuan untuk membeli barangan keperluan harian mereka dalam kadar harga yang rendah berbanding dengan harga biasa. Kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan lebih 10,000 rakan dagang yang menawarkan pelbagai kadar diskaun kepada produk mereka sehingga mencecah 70%. Dengan kerjasama strategik inilah penggunaan Kad Ceria dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan adalah relevan dan mendapat sokongan.

PROGRAM RUMAWIP

- Kenaikan harga jualan rumah yang tinggi terutamanya di Wilayah Persekutuan telah mendorong KWP merangka strategi bagi membantu golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri. Bermula dari tahun 2013, KWP telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan dasar Program Rumah Mampu Milik (RUMAWIP) sebagai pelengkap kepada pelaksanaan Dasar Perumahan Negara yang bermatlamat untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemampuan hidup rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
- Jika dilihat melalui permohonan RUMAWIP yang diterima juga, majoriti pemohon adalah dalam kalangan mereka yang berpendapatan isi rumah di antara RM10,000 ke RM15,000.
- Ini jelas dibuktikan apabila seramai 2,367 responden (93.84%) berpendapat bahawa harga rumah mampu milik yang ditawarkan RM300,000.00 ke bawah membolehkan mereka membeli dan memiliki rumah di Wilayah Persekutuan. Kemampuan tersebut didorong apabila harga rumah yang dijual pada harga komersil adalah sangat tinggi. Apatah lagi jika kedudukan projek perumahan tersebut dibina di ibu kota pastinya harga akan melonjak tinggi. Oleh itu, dengan adanya program RUMAWIP ini dapat mengimbangkan harga rumah di ibu kota selain menampung keperluan golongan M40 dan B40 untuk memiliki rumah sendiri di ibu kota.
- Hanya 311 responden (11.61%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dijangkakan kelompok responden ini yang masih tidak mampu memiliki rumah disebabkan belunggu hutang yang ditinggi seperti hutang pendidikan, pinjaman peribadi, hutang kenderaan dan kos menyara keluarga bagi mereka yang baru mendirikan rumahtangga. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian turut menawarkan RUMAWIP pada harga serendah RM198 ribu. Kementerian menyasarkan kelompok B40 yang mempunyai komitmen yang tinggi dapat berusaha untuk membeli rumah pada harga yang terendah ini.
- Pada masa akan datang, Kementerian merancang untuk menambah keluasan RUMAWIP yang bakal dibina dari 800 kaki persegi kepada 900 kaki persegi.

ANALISIS BAHAGIAN C : SEKTOR PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KWP

- Bagi sektor perancangan dan pembangunan pula, sebanyak empat (4) soalan yang dikemukakan bagi mendapatkan reaksi warga Wilayah Persekutuan mengenai Pusat Transit Gelandangan, Operasi Banteras Aktiviti Haram (OPS BAH), penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan dan projek Kolam Biru River of Life (RoL).
- **Program pembangunan** yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan **memberikan impak yang positif** kepada kehidupan dari **aspek keselamatan penduduk dan kelestarian alam sekitar** menyumbang kepada kehidupan yang selesa dan berdaya huni.

OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (OPS BAH)

- Program OPS BAH di Wilayah Persekutuan mendapat sokongan yang paling tinggi daripada warga Wilayah Persekutuan iaitu 2,593 responden (96.83%) bersetuju pelaksanaan program itu adalah penting bagi mengawal masalah sosial dan meningkatkan kesejahteraan bukan sahaja kepada komuniti Wilayah Persekutuan malah kepada pelancong yang datang ke sini. Hanya 85 orang (3.17%) sahaja tidak bersetuju berkemungkinan kurang kesedaran mengenai pelaksanaan program ini impikasinya.
- Sejak tahun 2009 dan sehingga Ogos 2018, sebanyak 46 siri OPS BAH telah dijalankan dengan kerjasama daripada 28 agensi lain dengan hasil rampasan dan tangkapan seperti berikut:
 - RM17.83 Juta nilai rampasan judi haram.
 - 201 buah premis judi haram telah ditumpaskan.
 - 2215 orang penagih dadah berjaya ditahan.
 - 1371 orang telah dikeluarkan notis dibawah Akta 559
 - 28 syarikat telah disiasat LHDNM
 - 24 tonto telah ditahan kerana mengganggu tugas penjawat awam
- Kejayaan OPS BAH ini juga mendapat banyak pengiktirafan seperti dijemput untuk pembentangan kertas kerja contoh kaedah operasi bersepadu oleh “**International Development and Public Policy Alliance**” di Rio De Janeiro, Brazil pada 25-26

Oktober 2017. Program ini turut diiktiraf oleh SPB Yang DiPertuan Agong sebagai operasi yang dapat mengatasi masalah gejala sosial pada 2016 dan 2017.

- Pada tahun hadapan, OPS BAH akan memberi lebih fokus kepada operasi persempadanan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di sempadanan Kuala Lumpur seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan lain-lain. Ini kerana terdapat aktiviti haram/sindiket yang dilihat menguasai persempadanan KL-Selangor seperti pusat judi haram dan pendatang tanpa izin yang menggunakan Pasar Borong Selayang sebagai tempat berniaga, penyalahgunaan dadah dan banyak lagi.

PENGGUNAAN PRODUK BIODEGRADASI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

- Program kedua yang mendapat sambutan yang tinggi dikalangan warga Wilayah Persekutuan adalah bagi penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan. Seramai 2,595 responden (96.90%) bersetuju dengan pelaksanaan program ini dan hanya seramai 83 responden (3.10%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran masyarakat terhadap pentingnya pemeliharaan alam sekitar semakin meningkat dan seterusnya melestarikan alam bagi generasi akan datang.
- Pelaksanaan penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan telah dilancarkan pada 3 Jun 2016 di Pasar Raja Bot, Kuala Lumpur. Pelaksanaan dasar ini adalah bertitik tolak daripada penemuan kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendapati haba yang dihasilkan oleh makanan yang disimpan di dalam bekas plastik dan polistirena boleh menghasilkan bahan kimia yang memudaratkan kesihatan. Sumber daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Bioeconomy Corporation mendapati sisa plastik merupakan penyumbang utama kepada jumlah pelupusan sisa pepejal iaitu 21% daripada 2,096.71 tan sehari mengakibatkan pencemaran alam sekitar.
- Maka atas kesedaran itu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memulakan langkah untuk menukarkan penggunaan plastik kepada plastik biodegradasi. Bagi menjayakan inisiatif ini, Kementerian menumpukan kepada para peniaga khususnya industri makanan dan minuman, serta penggunaan plastik di kaunter.
- Kementerian telah bekerjasama dengan 13 syarikat rakan pembekal produk biodegradasi yang telah menerima pensijilan daripada SIRIM. Selain itu terdapat

11 buah syarikat pengedar bagi memudahkan peniaga kecil-kecilan untuk membeli plastik serta bekas makanan dan minuman jenis biodegradasi.

- Bermula 2019, Kementerian akan meluaskan lagi larangan penggunaan plastik kepada straw plastik pula. Terdapat pelbagai pilihan straw sebagai pengganti kepada straw plastik seperti jenis metal, buluh dan kertas. Orang ramai boleh membeli straw ini sama ada melalui atas talian seperti di Shopee, Lazada dan lain-lain. Inisiatif ini turut mendapat sambutan daripada pelbagai restoran terkemuka seperti McDonalds, KFC, Starbucks dan banyak lagi.
- Kementerian amat berharap agar semua warga Wilayah Persekutuan agar bersama-sama menyokong dan berusaha untuk menukarkan amalan budaya menggunakan plastik dan bekas plastik dalam penggunaan harian. Kesedaran mengenai kesan penggunaan plastik dalam kehidupan perlu ditekankan supaya tahap kesihatan semua rakyat akan terus meningkat.

PROGRAM GELANDANGAN

- Kementerian telah mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah gelandangan khususnya di Kuala Lumpur dengan membuka Pusat Khidmat Gelandangan di Medan Tunku dan Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang. Inisiatif yang dilaksanakan ini telah mendapat reaksi positif daripada responden di mana sebanyak 2,561 responden (95.63%) bersetuju kedua-dua kemudahan kepada golongan gelandangan ini membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Hanya 117 responden (4.37%) sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.
- Kebanjiran golongan gelandangan di sekitar ibu kota sukar untuk dihapuskan tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya NGO's yang menghulurkan bantuan kepada gelandangan. Tujuan Kementerian menyediakan pusat transit dan pusat khidmat gelandangan ini bagi menjaga kebersihan di dalam Pusat Bandaraya. Pengedaran makanan kepada gelandangan menjadi antara punca sampah sisa makanan dan bekas makanan bersepah di dalam radius ibu kota.
- Oleh itu, kesedaran kepada NGO dan juga individu/kumpulan yang ingin menghulurkan bantuan kepada golongan gelandangan untuk berdaftar di pusat transit atau khidmat gelandangan ini bagi membolehkan bantuan yang dihulurkan kepada yang memerlukan lebih terurus dan tidak membazir. Dengan ini kawalan terhadap golongan ini dapat dilaksanakan dan program-program peningkatan sendiri dapat dirancang dengan baik oleh pelbagai agensi kerajaan.

KOLAM BIRU, RIVER OF LIFE

- Pelaksanaan projek River Of Life (ROL) sudah mula menampakkan hasil. Melalui projek Kolam Biru yang terletak di kawasan pertembungan antara Sungai Klang dan Sungai Gombak telah diangkat sebagai ikon pelancongan baharu negara. Projek tersebut telah dirasmikan pada tahun 2017.
- Dapatan daripada kajian ini menunjukkan seramai 2,558 responden (95.51%) bersetuju projek Kolam Biru ROL adalah satu produk pelancongan baharu di Kuala Lumpur. Hanya 120 responden (4.48%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.
- Sejak projek ini dibuka kepada orang ramai, tempat ini mula menjadi tumpuan warga kota untuk menikmati suasana malam yang sangat menarik. Air sungai yang coklat pada siang harinya bertukar warna biru pada waktu malam. Selain itu terdapat pertunjukan air pancut diiringi pantulan cahaya lampu berwarna-warni mengikut irama muzik pastinya mendamaikan dan mencerikan para pengunjung ke kawasan tersebut.
- Namun tempat secantik ini masih tidak dihargai dan dijaga oleh para pengunjung yang mula membuat kerosakan dan vandalisma. Terdapat pengunjung yang bermain *skateboard* dan basikal di bangku batu yang disediakan menyebabkan pecah sepihan batu tersebut. Para gelandangan pula bermaharajalela dengan menggunakan air sungai di situ sebagai tempat mandi dan lebih tidak bertamadun adalah membuang sisa makanan dan plastik makanan ke dalam sungai. Kesemua perbuatan ini menyebabkan keindahan Kolam Biru ini tercemar.
- Kementerian dengan kerjasama DBKL perlu bertindak tegas dengan menempatkan Penguatkuasa bagi menjaga kawasan Kolam Biru ini bagi mengelakkan berlakunya kerosakan yang lebih teruk. Oleh itu, Kementerian menyeru agar semua pihak perlu memainkan peranan dalam menjaga kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan.
- Kementerian berharap agar hasrat untuk mengoptimumkan potensi kawasan tersebut sebagai penggerak ekonomi negara dapat dilaksanakan supaya dapat menarik lebih ramai pelancong ke Kuala Lumpur.

KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Secara kesimpulannya, **93.59% warga Wilayah Persekutuan menyokong produk/program/perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan** menjurus ke arah peningkatan kesejahteraan rakyat.
- Cadangan penambahbaikan adalah Kementerian perlu terus memperkenalkan program-program yang memberi manfaat kepada peningkatan kesejahteraan hidup rakyat serta membawa komuniti ke arah menjalani kehidupan yang sihat.
- Program-program sedia ada perlu terus diberi suntikan promosi dan publisiti supaya program-program tersebut sentiasa diingati oleh rakyat sekaligus menyokong inisiatif yang dilaksanakan.
- Bahagian Sosio Ekonomi perlu memberi perhatian kepada permasalahan yang diutarakan oleh rakyat berhubung Program *Food Truck* iaitu harga makanan yang mahal serta tahap kualiti makanan yang dijual. Campur tangan Kementerian berhubung perkara ini adalah perlu kerana rakyat berpendapat program ini diperkenalkan oleh Kerajaan.
- Program Penggunaan Produk Biodegradasi juga perlu terus diberi imej yang positif di dalam media massa supaya rakyat boleh memahami kepentingan pelaksanaan program ini kepada kehidupan masyarakat khususnya dan alam sekitar amnya. Para peniaga juga perlu sentiasa diberi peringatan agar melaksanakan tanggungjawab sosial mereka kepada pengguna dengan berusaha untuk mematuhi inisiatif Kerajaan ini. Oleh itu, Bahagian Perancangan Strategik perlu merangka program-program kesedaran biodegradasi kepada pengguna dan juga peniaga di Wilayah Persekutuan.